

05 OCT 1996

PAS - Runding

PAS SEDIA BERUNDING DENGAN UMNO DEMI PERPADUAN

KOTA BAHARU, 5 Okt (Bernama) -- PAS bersedia untuk membuka pintu rundingan dengan UMNO bagi membincangkan usaha penyatuan kedua-dua parti itu demi kepentingan bersama orang Melayu.

Presiden parti Haji Fadzil Noor berkata kesediaan PAS itu ialah sebagai menyahut pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Penyatuan Melayu di sini Khamis lepas supaya PAS dibubarkan dan semua pemimpin dan anggotanya menyertai UMNO.

"Kalau dia orang (Umno) nak bincang kita boleh bincanglah," katanya ketika ditemui selepas Perhimpunan Amanat Tok Guru anjuran Badan Perhubungan Pas Kelantan di Stadium Sultan Muhammad ke IV di sini malam tadi.

Terdahulu, dalam ucapannya Fadzil berkata PAS akan meneruskan kepimpinannya menurut syiar Islam dan sedia bekerjasama dengan mana-mana parti politik yang menyokong perjuangan Islam.

Beliau berkata PAS telah menunjukkan kepimpinan Islam yang berkesan di Kelantan dan sehubungan itu "tidak wajar PAS menyertai UMNO sebaliknya UMNO yang sepatutnya menyertai PAS".

Beliau juga berkata langkah pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (S46) menyertai semula UMNO adalah satu pengkhianatan terhadap perjuangan dan persahabatan yang dibuat dengan PAS menerusi Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan).

Yang turut berucap pada perhimpunan itu ialah Mursyid Am PAS Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan, Timbalan Presiden PAS Haji Abdul Hadi Awang, Presiden Berjasa Haji Mohd Yusoff Nor dan Setiausaha Agung Hamim Wan Ibrahim Wan Abdullah.

-- BERNAMA

RAR AM FAZ